

Newspaper	AMANAHAH
Date	11 SEPTEMBER 2016

Contohi jiwa besar Anwar, Mahathir

Amanah - 11/9/2016

Rakyat harus mencontohi jiwa besar Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Tun Dr Mahathir Mohamad apabila kedua-duanya sedia bersatu dan mengeneikan segala perbezaan mereka selama ini untuk menolak pelaksanaan Akta Majlis Keselemaan Negara (MKN).

Bagi Pemuda AMANAHAH, kehadiran Tun Mahathir di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur 5 September lepas bagi menyatakan sokongan kepada Anwar sebagai titik tolak kepada penyatuan rakyat menolak kekejaman rejim Umno-BN pimpinan Najib Razak.

Timbalan Ketua Pemuda AMANAHAH Nasional, Faiz Fadzil berkata, rakyat harus mencontohi jiwa besar mereka berdua.

"Akta MKN adalah akta zalim yang mencabul kebebasan rakyat dan keluhuran perlembagaan. Justeru, kebersamaan Anwar dan Mahathir dalam penentangan akta ini menjadi contoh teladan bahawa rakyat perlu bersatu menentang kezaliman melangkaui sempadan ideologi politik," ujarnya dalam kenyataan.

Beliau berkata, pertemuan kedua-dua negarawan itu yang disulami senyuman dan berjabat tangan dengan erat adalah satu isyarat jelas kepada rakyat bahawa mereka merupakan pemimpin berjiwa besar yang sanggup bersama-sama meletakkan kepentingan rakyat mengatasi sengketa.



Dr Mahathir dan Anwar bersalam erat di Mahkamah Tinggi 5 September lepas dalam pertemuan bersejarah mereka selepas berseteru selama 18 tahun.

"Perjuangan reformasi yang dipimpin Anwar pasti akan lebih bersemarak, inklusif dan ekstensif dengan sokongan bekas dan ahli Umno termasuk Tun Mahathir.

"Rakyat terutama anak muda harus bersama dengan gerakan menjatuhkan pemerintahan kleptokrasi (pemerintahan oleh pencuri) Najib Razak," jelasnya.

Tambah Faiz, usaha untuk menyela-

matkan negara tercinta ini bukan lagi pilihan sebaliknya satu kewajipan.

Sehubungan itu, Pemuda Amanah, ujarnya lagi, akan terus berjuang bersama Pakatan Harapan menggerakkan massa bagi mencapai matlamat suci ini demi kepentingan rakyat dan masa depan negara.